



Berkenalan tidak semestinya berakhir dengan perkahwinan. - Gambar hiasan

JODOH SOAL TERAKHIR

Wanita hilang minat untuk berkahwin apabila pekerjaan mereka semakin kukuh

PAKAR jiwa dari Barat, Dr. Louis E Bisch mungkin benar apabila berkata perempuan gemar disayangi dan menyayangi. Namun ia tidak semestinya berakhir di jenjang pelamin. Malah ia mungkin soal terakhir yang mahu difikirkan terutama oleh wanita yang mempunyai kedudukan kerjaya yang stabil.

Fenomena perempuan lewat berkahwin semakin ketara di negara ini. Perangkaan tahun 2001 menunjukkan sebanyak 38.2 peratus atau hampir 2.4 juta wanita daripada jumlah 6,165,548 orang dalam usia 15 hingga 49 tahun tidak pernah mendirikan rumah tangga.

Umumnya, umur perkahwinan wanita berubah selari dengan peredaran masa. Wanita Melayu tradisional boleh dikatakan memasuki gerbang perkahwinan pada usia yang agak muda. Ketika berumur belasan tahun mereka sudah bergelar isteri dan menjadi ibu. Rata-rata mereka merupakan suri rumah sepenuh masa dan suami pula bekerja sebagai petani.

Menurut Abdul Aziz Jemain dari Pusat Pengajian Sains Matematik, Universiti Kebangsaan Malaysia, penamatan alam

remaja yang terlalu awal ini tidak menimbulkan sebarang kesulitan atau masalah besar terhadap kehidupan berkeuarga. Bagaimanapun, katanya, wanita Melayu moden hari ini lebih cenderung mengakhiri zaman bujang mereka pada lewat usia. Peningkatan umur perkah-

winan tersebut berlaku kesan daripada proses pendemokrasian Dasar Ekonomi Baru yang bermula pada tahun 1970 telah meluaskan peluang pendidikan di kalangan penduduk menjadikan bilangan mereka yang tercirir dalam pendidikan semakin berkurangan. Secara umum sebahagian besar wanita akan mengikuti pendidikan formal sehingga umur 18 tahun. Ertinya mereka hanya akan memasuki pasaran perkahwinan apabila sampai umur pada tahap ini. Namun sebahagian yang lain pula menyambung pela-

Bilangan Lelaki dan Wanita Bujang (2000)

Kumpulan umur	Lelaki	Perempuan
0 - 4	1,347,633	1,265,111
5 - 9	1,364,984	1,281,543
10 - 14	1,271,780	1,209,061
15 - 19	1,182,913	1,114,023
20 - 24	927,694	709,782
25 - 29	533,528	282,736
30 - 34	226,122	112,315
35 - 39	107,072	65,399
40 - 49	56,759	43,809
50 - 54	18,173	17,871
55 - 59	9,215	8,726
60 - 64	6,421	6,247
65 - 69	3,867	3,670
70 - 74	2,309	2,305
75+	2,487	2,360
Jumlah	7,091,597	6,152,986



Ramai wanita yang lebih mengutamakan kerjaya daripada berkongsi hidup dengan lelaki.

jaran hingga mencecah usia 20-30 tahun.

Pada tahun 1950-1970, kebanyakan wanita Asia berkahwin pada usia muda dan ia dianggap sebagai satu perkara biasa. Namun pola perkahwinan ini telah berubah dan mulai tahun 1970 ramai antara mereka memilih berkahwin lewat. Menurut P.C. Smith dalam kajiannya *Asian Marriage Patterns in Transition*, trend wanita berkahwin lewat dan kadar membujang yang tinggi merupakan dua ciri penting proses transisi pola umur perkahwinan tradisi kepada moden. Ramai pengkaji lain cuba menerangkan sebab-sebab perubahan ini. Ada yang mengatakan ia berpunca daripada kepesatan proses industrialisasi sesebuah negara. Bagi teori ini, individu yang berusaha memodenisasikan diri mereka ke arah pencapaian status sosial yang lebih tinggi (berpendidikan dan berpangkat) secara tidak langsung akan mencari kebebasan hidup semaksimum mungkin yang seterusnya menggalakkan perkahwinan pada lewat usia. Purata umur perkahwinan pertama wanita Melayu sebelum tahun 1955 adalah lebih kurang 15 tahun. Pada masa kini, wanita yang berumur sedemikian masih lagi menduduki bangku sekolah di tingkatan tiga dan bakal menghadapi peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR).

Kecenderungan golongan wanita bujang mengutamakan kerjaya dan bukannya perkahwinan inilah yang turut menimbulkan kebimbangan kerajaan Singapura berikutan penurunan kadar kelahiran bayi di negara itu sejak beberapa tahun lalu, menurut satu kajian yang di-

siarkan baru-baru ini. Kajian oleh sebuah jawatankuasa yang dilantik kerajaan bagi menggalakkan kehidupan berkeluarga itu mendapati kebanyakan orang bujang di Singapura terdiri daripada wanita yang berumur 30 tahun ke atas. Golongan tersebut didapati tidak mempunyai perancangan untuk berkahwin ataupun membina sebuah keluarga.

Kajian itu turut mendedahkan bahawa golongan lelaki negara itu mempunyai kecenderungan untuk membina kerjaya masing-masing sebelum memulakan sebuah keluarga manakala wanita yang lebih mengutamakan kerjaya pula didapati kurang berminat dalam hal-hal perkahwinan.

"Golongan wanita didapati akan hilang minat untuk berkahwin dan mempunyai anak apabila status pekerjaan mereka semakin kukuh," kata pengerusi jawatankuasa kajian, Chan Soo Sen.

Salah seorang penyelidik yang menjalankan kajian itu, David Chan berkata, kebanyakan wanita yang bekerja beranggapan bahawa perkahwinan merupakan satu penghalang kepada mereka apabila kerjaya masing-masing mula berkembang. Pelbagai usaha telah dijalankan oleh kerajaan Singapura bagi menggalakkan rakyatnya berkahwin dengan memberikan bermacam-macam insentif seperti meminta para majikan memberikan waktu bekerja yang fleksibel bagi membolehkan pasangan suami isteri meluangkan masa bersama-sama di rumah.

Apa yang berlaku di negara jiran itu tidak jauh bezanya daripada apa yang terjadi di Malaysia. Bahkan, bukan saja per-

Purata Umur Berkahwin Wanita

Tahun Berkahwin	Purata Umur
Sebelum 1955	15.0
1956-1960	16.1
1961-1965	16.1
1966-1970	16.9
1971-1975	18.9
1976-1980	20.7
1981-1985	21.3
1986-1989	22.1
1991	24.7
1994	24.9
2000	25.1

Sumber: LPPKN

sepsi terhadap perkahwinan yang berubah, kajian yang dijalankan di Semenanjung Malaysia juga jelas menunjukkan saiz keluarga yang diingini oleh wanita telah berlainan. Pada lewat tahun 1950-an, wanita Cina dan India mempunyai bilangan anak lebih satu atau dua orang berbanding orang Melayu. Bagaimanapun satu kajian lain pada tahun 1986 menunjukkan keadaan sebaliknya berlaku. Kadar fertiliti wanita Melayu pada tahun tersebut dua kali ganda lebih tinggi daripada wanita Cina dan 1.6 kali ganda berbanding wanita India. Keadaan tersebut berlaku disebabkan ramai wanita Melayu yang berkahwin awal. Pada tahun 1988, secara purata wanita Malaysia yang berusia 25-29 tahun mempunyai 2.3 orang anak iaitu lebih rendah jika dibandingkan dengan bilangan pada tahun 1970 sebanyak 3.2 orang anak.

Tinjauan Kehidupan Keluarga Malaysia Kedua yang dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pada 1988 mendapati hampir 60 peratus responden yang berkahwin pada usia 19 tahun dan ke bawah beranggapan memiliki lebih daripada lima anak sebagai ideal berbanding kumpulan umur lain. Sebanyak 21.6 peratus mereka yang berpendidikan melebihi sekolah menengah berpendapat bilangan anak yang ideal adalah antara 0-2 orang. Bagaimanapun 62.4 peratus mereka yang kurang berpendidikan pula menyatakan bilangan anak tersebut mestilah lima orang dan ke atas. Ia membuktikan semakin tinggi tahap pendidikan wanita, bilangan anak yang dianggap ideal semakin kecil. Dari segi kaum, kira-kira 62.3 peratus wanita Melayu menyifatkan bilangan anak yang ideal perlu melebihi lima orang berbanding Cina (55.2 peratus) yang hanya sekitar 3-4 orang anak. □